



## SIARAN MEDIA

### LAWATAN KERJA MENTERI KPWKM KE SINGAPURA

**SINGAPURA, 16 JUN** –Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim mengadakan lawatan selama tiga (3) hari ke Singapura bermula pada hari ini.

Menurut, YB Dato’ Sri Rohani, “Lawatan bertujuan berkongsi amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Republik Singapura berkaitan kumpulan sasaran terutama golongan wanita, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan keluarga”.

Singapura dikagumi kerana tidak bergantung kepada model negara kebajikan seperti yang dilihat di negara – negara Eropah. Walaupun bergantung kepada persaingan pasaran bebas, namun setiap rakyat dijamin mempunyai pendidikan, jagaan kesihatan, perumahan dan persaraan yang baik.

Antara agenda lain yang telah dirancang semasa lawatan tersebut ialah kunjungan hormat ke atas YB Tan Chuan-Jin, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura serta Madam Halimah Yacob, Speaker Parlimen Singapura. Selain itu, delegasi KPWKM juga mengadakan lawatan ke *NTUC Silver Circle*, *Society for the Physically Disabled* dan *Singapore Council of Women’s Organisation* bagi mengetahui amalan terbaik dan cabaran yang dihadapi dalam menjaga kebajikan golongan sasaran di Singapura.

Dalam lawatan kerja ini, YB Dato’ Sri Rohani juga dijangka akan meluangkan masa bertemu Malaysians Association in Singapore (MASIS) sebagai wakil diaspora Malaysia di Singapura.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4,  
Putrajaya.  
Telefon : 03-8323 1000  
Tarikh : 16 Jun 2015